

Bausch + Lomb

Artelac® Splash

Komposisi:

Larutan ini mengandungi natrium hialuronat 0.2% berserta bahan lengai lain seperti air steril, natrium klorida, kalium klorida, dinatrium fosfat dodekahidrat dan natrium dihidrogen fosfat-dihidrat.

Ia bebas bahan pengawet.

Bentuk:

Artelac® Splash boleh didapati dalam pakej mengandungi 10, 30, atau 60 unit dos tunggal dengan 0.5ml larutan titisan mata.

Cadangan penggunaan Artelac® Splash:

Artelac® Splash paling sesuai digunakan untuk menyegarkan dan melembapkan mata yang kering akibat faktor persekitaran luar. Faktor ini termasuklah: penggunaan komputer berpanjangan, kawalan udara di dalam rumah, kurang berkelip, asap rokok, dan keadaan luar rumah yang berangin. Selain itu, dadah tertentu (contohnya pil perancang, antihistamin, *beta blocker*, antikekejangan dan diuretik), penyakit tertentu, atau pengawet di dalam beberapa jenis ubat titisan mata tertentu mungkin terbabit dalam mengakibatkan kekeringan okular.

Artelac® Splash menghidrat untuk melegakan simptom masalah mata seperti iritasi, kekeringan, atau keletihan mata, rasa kemasukan benda asing, atau mata berair.

Ciri-ciri produk ini membolehkan pengguna yang mengalami masalah kekeringan mata kronik turut menggunakannya.

Berapa kerapkah anda patut menggunakan Artelac® Splash?

Masukkan satu titis Artelac® Splash ke dalam pelupuk mata apabila perlu.

Maklumat penting tentang penggunaan Artelac® Splash

Bagi mengurangkan risiko kesan sampingan, Artelac® Splash tidak mengandungi apa-apa pengawet, dan setiap unit dos tunggal perlu dibuang selepas digunakan. Jangan gunakan Artelac® Splash selepas tarikh luput.


Dalam kes yang jarang berlaku, produk ini mungkin mengakibatkan tindak balas hipersensitif. Penggunaan perlu dihentikan dalam situasi yang sedemikian.

Jangan gunakan Artelac® Splash jika unit dos tunggal yang diterima telah rosak.


Cara penggunaan Artelac® Splash dengan betul:

Ilustrasi di bawah menunjukkan cara penggunaan Artelac® Splash yang ringkas dan mudah.


1. Pegang pada label, pisahkan satu unit dos tunggal daripada jalur.



2. Pulaskan penutup unit dos tunggal itu.



3. Dongakkan kepala anda sedikit, dan perlahan-lahan tarik bahagian bawah kelopak mata dengan jari. Pegang unit dos tunggal tersebut secara menegak di atas mata dengan muncung menghala ke bawah, kemudian picit perlahan-lahan untuk memasukkan satu titis ke dalam pelupuk mata.



Pejamkan mata dan gerak-gerakkan bebola mata ke kiri dan ke kanan, kemudian kerdipkan mata untuk menyebarkan titisan tersebut ke seluruh permukaan bebola mata.

Elakkan menyentuh muncung unit dos tunggal tersebut dengan mata atau jari bagi mengelakkan pencemaran.

Dr. Gerhard Mann
Chem.-pharm. Fabrik GmbH
Brunsbütteler Damm 165-173
D-13581 Berlin

Pengedar:
Bausch & Lomb GmbH
D-13581 Berlin

CE 0483

Maklumat tambahan tentang Artelac® Splash
Apakah peranan bendalir lakrimal?

Bendalir lakrimal, juga dikenali sebagai air mata, terdiri daripada tiga lapisan selaput air mata yang membekalkan nutrien penting pada permukaan mata, membentuk lapisan pelindung pelincir di antara kelopak mata dan kornea, serta memelihara penglihatan yang terang dan sihat.

Bendalir lakrimal semula jadi tersebar pada permukaan mata setiap kali anda berkelip untuk membekalkan nutrien, melindunginya daripada kekeringan, membantu pemulihan kecederaan kecil pada kornea dan mencegah kerosakan lanjut daripada berlaku.

Apabila ketidakseimbangan berlaku pada selaput air mata akibat faktor luaran, simptom yang mungkin timbul termasuklah kekeringan, rasa pedih, rasa benda asing, mata yang merah dan gatal, mata yang letih dan melekit pada waktu pagi, dan kadang-kadang pengeluaran air mata berlebihan.

Mengapakah natrium hialuronat berguna untuk mata anda?

Anda mungkin sudah tahu tentang natrium hialuronat sebagai suatu bahan pelincir dalam produk arthritis, atau agen antipenuaan, tetapi sebenarnya ia juga suatu komponen semula jadi mata dan selaput air mata yang sihat. Pelembap semula jadi ini mempunyai afiniti yang tinggi untuk bergabung dengan air, dan membantu menguatkan lapisan selaput air mata yang paling tebal untuk memulihkan keselesaan serta hidrasi dengan segera.

Bagaimanakah Artelac® Splash membantu mata anda?

Artelac® Splash dengan natrium hialuronat menyegarkan mata anda serta-merta. Ia membantu menstabilkan selaput air mata untuk menyediakan persekitaran permukaan okular yang sihat dengan membekalkan pelembap semula jadi ini.

Bagaimanakah lagi anda dapat menjaga mata yang kering dan letih?

- Berehatlah dari semasa ke semasa jika anda bekerja atau bermain di hadapan komputer.
- Selalu kerdipkan mata anda.
- Pastikan bilik atau pejabat anda mendapat udara segar semula jadi.
- Minum air yang mencukupi.
- Halakan pengudaraan di dalam kereta atau kapal terbang supaya jauh daripada mata anda.

Artelac® Splash juga boleh didapati dalam unit dos berbilang bebas pengawet (*Preservative Free Multi-Dose Units* atau *PFMD*).

Artelac® Splash, Disember 2009